

Ikut toleransi, bukan kebencian

Anwar menegaskan Islam memilih untuk menjaga keharmonian

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI dan AHMAD ISMADI ISMAIL
KUALA LUMPUR

Penyelesaian dengan cara yang baik dan perundingan yang harmoni bukanlah tanda kelemahan, sebaliknya mencerminkan nilai Madani, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Menurutnya, di negara ini, pertelingkahan politik dan perbezaan pandangan kadang kala menyebabkan banyak pihak lebih cenderung mencari masalah, menghukum, menghina, mem-

benci dan merendahkan orang lain yang tidak sependapat atau tidak seagama.

"Islam tidak begitu. Kita memilih untuk menjaga harmoni. Runding dengan baik. Arahan saya konsisten dalam mesyuarat Jemaah Menteri, saya cakap dengan tegas, runding, tolak ansur tetapi tidak berganjak daripada keputusan kita masjid wajib didirikan di sini," katanya semasa

Majlis Pecah Tanah Pembangunan Masjid Madani di Jalan Munshi Abdullah di sini pada Khamis.

Anwar turut menegaskan bahawa rundingan yang baik untuk mencari penyelesaian bukanlah tanda kelemahan, sebaliknya suatu langkah beradab yang berlandaskan akhlak Madani.

Turut hadir, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof; Pengarah Urusan Kumpulan Jakel, Datuk Seri Mohamed Faroz Mohamed Jakel serta Penasihat Kumpulan



Anwar (dua dari kiri) melakukan gimik perasmian pada Majlis Pecah Tanah Pembinaan Masjid Madani di Jalan Munshi Abdullah, Kuala Lumpur.

Karangkrak, Datuk Hussamuddin Yaacob.

Mengulas lanjut, kata Anwar, gunakan segala kebijaksanaan,

kearifan dan ihsan agar masyarakat tidak kira beragama Islam atau bukan Islam berasa senang apabila berbicara soal masjid ini.

"Ini bukan nak tunjuk kemenangan kita. Ini kemenangan bukan kerana keangkuhan, tetapi kerana kita mampu menunjukkan kebijaksanaan. Kekuatan dan kemuliaan Islam bukan dengan keangkuhan.

"Itu adalah falah, ...falah itu apabila kita dapat muncul sebagai contoh dan peribadi yang baik, adil, penyayang dan bukannya dengan bengis atau kebencian," katanya.

Anwar turut mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan bukan Islam yang turut membantu dalam isu ini, termasuk Ahli Parlimen Sungai Buloh, Datuk Seri R Ramanan dan Ahli Parlimen Damansara, Gobind Singh Deo.

"Terima kasih semua yang terlibat, itu hak, hak itu bersandarkan hukum. Bagilah hujah apa pun. Saya minta seluruh laporan DBKL (Dewan Bandaraya Kuala Lumpur) dan jabatan agama sebelum keputusan muktamad. Bila saya yakin, kita buat keputusan," katanya.